

## **TERMA DAN SYARAT**

1. **STESEN RADIO** : HUSA Network Sdn Bhd (Manis Fm)
2. **NAMA PERADUAN** : Peraduan 'Telinga Paling Power'
3. **HURAIAN RINGKAS PERADUAN** : Rancangan ini adalah peraduan atas talian untuk berpeluang memenangi sebahagian daripada wang tunai RM 6000 dengan hanya meneka klip lirik lagu dengan betul.

### **4. MEKANISME RINGKAS PERADUAN**

- a) Daftarkan diri anda di [www.manis.fm](http://www.manis.fm) dan masukkan kod laluan 'Telinga Paling Power'.
- b) Dengarkan klip lirik yang akan diberikan oleh penyampai Manis Manis Pagi & Manis Xpress dan jadi pemanggil terpuan dengan menghubungi talian 09-6241008.
- c) Setiap klip lirik yang diberikan harus diteka dengan memberikan nama penyanyi dan tajuk lagu dengan betul. Sekiranya gagal diteka, wang tersebut akan dibawa ke segmen seterusnya.

### **5. KRITERIA KELAYAKAN**

- a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai umur kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.
- b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki kad pengenalan Malaysia yang sah.

### **6. KETIDAKLAYAKAN GOLONGAN BERIKUT TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTA PERADUAN INI: -**

- (a) Pekerja-pekerja/kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik HUSA Network Sdn Bhd (Manis Fm).
- (b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.
- (c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.

### **7. UMUR KELAYAKAN**

- a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.
- b) Dalam situasi di mana peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan hadiah peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.

8. Caj caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi peserta.
9. Tempoh Peraduan 12 September 2021 – 21 Oktober 2021. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlak.

### **10. BAHASA PERADUAN** : Bahasa Malaysia

11. Pemakluman pemenang akan dimaklumkan selepas Peraduan.